




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

17 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 163 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 244,380 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Penampang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 227 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 236,670 orang. Manakala 769 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 437 orang di hospital, 325 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 31 orang merangkumi 27 di ICU/repurposed kritikal *care* serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan sembilan (9) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 26 (26.53%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian terus menurun dan hari ini berjumlah 163 kes, 50 kes lebih rendah daripada jumlah kelmarin.
- b. Jumlah kes baharu adalah rendah di kebanyakan daerah dengan 16 daerah mencatat kes satu (1) angka sahaja iaitu antara 1 hingga 7 kes. Tidak ada kes baharu di tujuh (7) daerah. Hanya empat (4) daerah mencatat kes harian dua (2) angka, Kota Kinabalu 50 kes (+3), Penampang 34 kes (+16), Ranau 20 kes (+9) dan Putatan 13 kes (-2).
- c. Sebanyak 161 daripada 163 kes baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, satu (1) kes dalam Kategori 3 dan juga satu (1) kes lagi dalam Kategori 4. Tidak ada pesakit dalam Kategori 5.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (97) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	53	32.52%
3	Kontak	97	59.51%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	13	7.97%
JUMLAH		163	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 16/01/2022	Catatan Kes 17/01/2022	Perbandingan
1	Penampang	18	34	+16
2	Ranau	11	20	+9
3	Kota Kinabalu	47	50	+3
4	Semporna	0	2	+2
5	Keningau	6	7	+1
6	Sipitang	1	2	+1
7	Kunak	0	1	+1
8	Kinabatangan	0	1	+1
9	Kalabakan	0	1	+1
10	Lahad Datu	0	1	+1
11	Kudat	0	1	+1
12	Nabawan	0	0	Mendatar
13	Tongod	0	0	Mendatar
14	Tambunan	36	0	-36
15	Tuaran	18	6	-12
16	Tawau	11	2	-9
17	Papar	14	7	-7
18	Tenom	6	1	-5
19	Sandakan	7	3	-4
20	Kuala Penyu	3	0	-3
21	Beluran	3	0	-3
22	Putatan	15	13	-2
23	Beaufort	4	2	-2
24	Kota Belud	5	4	-1
25	Telupid	1	0	-1
26	Pitas	1	0	-1
27	Kota Marudu	6	5	-1
JUMLAH		213	163	-50

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (3 Januari – 16 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	33	14	0	3	50	616
Penampang	0	25	9	0	0	34	311
Ranau	0	12	4	0	4	20	241
Putatan	0	7	6	0	0	13	102
Papar	0	5	2	0	0	7	194
Keningau	0	4	3	0	0	7	154
Tuaran	0	5	1	0	0	6	320
Kota Marudu	0	4	1	0	0	5	123
Kota Belud	0	1	2	0	1	4	218
Sandakan	0	0	2	0	1	3	99
Tawau	0	0	1	0	1	2	64
Beaufort	0	0	2	0	0	2	102
Sipitang	0	0	1	0	1	2	58
Semporna	0	0	2	0	0	2	10
Tenom	0	0	1	0	0	1	97
Lahad Datu	0	0	0	0	1	1	29
Kudat	0	0	1	0	0	1	26
Kinabatangan	0	0	1	0	0	1	35
Kalabakan	0	0	0	0	1	1	8
Kunak	0	1	0	0	0	1	7
Tambunan	0	0	0	0	0	0	115
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	96
Beluran	0	0	0	0	0	0	33
Telupid	0	0	0	0	0	0	27
Pitas	0	0	0	0	0	0	19
Tongod	0	0	0	0	0	0	24
Nabawan	0	0	0	0	0	0	29
JUMLAH	0	97	53	0	13	163	3,157

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,778 unit

- Hospital 1,181 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 20.35%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	163
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	163

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	161
Bukan Malaysia	2
Jumlah	163

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	31
Belum Menerima Vaksin	8
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	111
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	13
Jumlah	163

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1 to 5	8
6 to 11	23
12 to 17	8
18 to 25	27
26 to 59	81
>60	16
Jumlah	163

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 16 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,609 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,593 orang adalah penduduk dewasa dan 16 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 16 Januari 2022 adalah seramai 2,452,591 orang. Ini meliputi 2,115,679 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.70% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,408,201 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,095,904 orang atau 75.98% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,912 orang atau 77.63% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,297 atau 71.96% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,948** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,223 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan dua (2) tangkapan dibuat.

- 2 Tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Membuat Imbasan Suhu Badan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 831 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak lima (5) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang

 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 249 premis perniagaan dan 271 individu di 18 kawasan. Empat (4) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Restoran Juara Sdn. Bhd. (2 Orang) dan ZD Unisex Saloon, Sulaman Cental (2 Orang). Dua (2) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik gagal memastikan pekerja mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di Restoran Juara dan ZD Unisex Saloon, Sulaman Central.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 254 Premis Perniagaan melibatkan 115 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 55 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 85 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.5%
2	Keningau	98.3%
3	Sandakan	98.2%
4	Kudat	98.2%
5	Kinabatangan	98.2%
6	Beluran	98.2%
7	Semporna	98.2%
8	Beaufort	98.2%
9	Sipitang	98.2%
10	Kota Marudu	98%
11	Tenom	98%
12	Lahad Datu	98%
13	Papar	98%
14	Kota Kinabalu	98%
15	Ranau	98%
16	Kota Belud	98%
17	Tuaran	98%
18	Penampang	97.9%
19	Tawau	97.8%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II